

ISA bukan bertujuan menganiaya — PM

UM 7 AUG 2001

LUMUT 6 Ogos — Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bukan bertujuan menganiaya mana-mana pihak, tetapi merupakan satu undang-undang pencegahan untuk mencegah kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebarang tindakan untuk menimbulkan kekaucuan di negara ini seperti rusuhan perlu dicegah terlebih awal untuk mengekalkan keamanan negara.

"Jika rusuhan berlaku baru nak mula cegah, ini tidak akan dapat hasil yang baik kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati," kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis mesra bersama kira-kira 500 anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Pangkalan TLDM, di sini, hari ini.

Acara itu adalah sebahagian daripada program lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke Pangkalan TLDM itu.

Dr. Mahathir berkata, pihak berkuasa tidak boleh menunggu sehingga tiada keamanan di negara ini baru tindakan diambil kerana ia mungkin sudah lewat dan mengakibatkan banyak korban.

"Dah ada rusuhan baru nak hentikan dah lewat dan mungkin ramai yang terkorban," jelas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, ada pihak luar yang mengatakan negara ini tidak demokratik kerana menjatuhkan hukuman ke atas orang yang belum didapati bersalah di mahkamah.

"Tapi kalau tunggu bukan sahaja ada jadi mangsa tapi tak dapat dibendung dan dengan undang-undang ISA kerajaan boleh menjatuhkan hukuman kepada orang yang

boleh mengganggu keselamatan negara," ujarnya.

Katanya, mereka yang tidak melakukan kesalahan tidak perlu takut kerana kerajaan hanya bertindak setelah mempunyai bukti yang cukup serta kukuh.

"Mereka yang nak guna keganasan atau huru-hara, ISA mesti digunakan terhadap mereka dan kerajaan mempunyai bukti," katanya.

Oleh sebab itulah, kata beliau, negara ini masih aman dan jika tiada undang-undang ISA negara tidak mungkin aman seperti sekarang.

Di Palestin, kata beliau, orang-orang Palestin cuba untuk memerdekakan negara tetapi tidak dapat kerana diserang oleh Israel.

"Israel nak cegah serangan Palestin mereka tidak tangkap orang Palestin, sebaliknya melancar roket kepada orang yang belum melakukan jenayah. Hanya

dianggap bakal melakukan serangan.

"Ini dihalalkan oleh sebuah kerajaan yang kuat di dunia," katanya.

Di negara ini, kata Dr. Mahathir, mereka yang terbabit hanya dimasukkan di dalam tahanan dan diberi makanan yang cukup serta dibenarkan bertemu dengan keluarga mereka.

"Kita harus sedar akan pentingnya undang-undang pencegahan ini dan ini adalah undang-undang yang membolehkan negara kita terus aman dan tenteram," ujar beliau.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat semalam menyatakan bahawa pihak polis sewajarnya menggunakan pendekatan undang-undang biasa sekiranya ingin meryoal siasat anaknya, Nik Adli, 34 yang ditangkap di bawah ISA kerana disyaki terlibat dengan kegiatan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM).